

20 tahun penubuhan UMS

► Melahirkan Graduan Minda Keusahawanan

PENUBUHAN Universiti Malaysia Sabah (UMS) 20 tahun yang lalu memberi impak besar terhadap perkembangan pendidikan di negeri ini. Penyebaran ilmu intelek dalam masyarakat tempatan nyata semakin mekar menjadikan Sabah kian pesat membangun bukan sahaja dalam peningkatan infrastrukturnya malah merangkumi capaian tahap ekonomi yang semakin memberangsangkan.

Melihat akan kepentingan budaya keusahawanan yang difasilitasi mampu memberi jaminan masa depan yang gemilang, UMS dalam tempoh dua dekad ini tampil dengan usaha-usaha konsisten bagi memupuk nilai-nilai keusahawanan kepada para mahasiswa sekali gus menyahut saranan kerajaan yang menginginkan pembentukan graduan yang berdaya saing dengan minda keusahawanan.

Selain Sekolah Perniagaan dan Ekonomi yang kini gah dengan nama Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan

Perakaunan, UMS turut menubuhkan beberapa kelab dan persatuan pelajar yang berlandaskan kepada pemupukan budaya keusahawanan.

Antara yang cukup menonjol ialah kelab Enactus iaitu sebuah kelab yang menjadi platform para pelajar untuk mendalami ilmu keusahawanan secara praktikal sebelum dinilai keberkesanannya di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Bagi kelab Enactus UMS, pelbagai sejarah telah terukir yang membawa nama UMS bukan sahaja harum di peringkat kebangsaan malah turut menyebabkan masyarakat antarabangsa membeliak mata.

Kelab ini yang aktif dalam membantu peniaga-peniaga kecil di luar bandar untuk memajukan perniagaan mereka sentiasa digeruni apabila tiba pada pertandingan Enactus peringkat kebangsaan yang disertai Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta di negara ini.

Sebagai rekod, Enactus UMS cukup dikenali

dengan projek-projek keusahawanan yang kreatif dan luar biasa sehingga dinobatkan juara beberapa kali untuk mewakili Malaysia ke pertandingan Enactus Piala Dunia. Lebih membanggakan apabila kelab itu mampu menewaskan Juara Enactus dari Poland dan Kazakhstan ketika di Mexico selain mampu mara ke peringkat separuh akhir pada pertandingan Enactus Piala Dunia di Jerman.

Komitmen UMS untuk melengkapkan siswa-siswi dengan ilmu keusahawanan turut diperkasakan dengan penawaran kursus Asas Pembudayaan Keusahawanan (APK) yang wajib diduduki oleh semua pelajar yang menuntut di universiti itu.

Ia bermakna, siswa-siswi UMS yang berada dalam jurusan sains, kejuruteraan, kemanusiaan mahu pun daripada jurusan ekonomi sendiri sama-sama akan mempelajari asas-asas keusahawanan yang memberi banyak pendedahan khususnya dalam pengurusan sesuatu perniagaan.

Lantaran itu, UMS tidak lagi memandang ke belakang dan terus menggandakan momentum dalam memastikan para pelajarinya dilengkapi dengan ilmu keusahawanan yang bakal menjadi genggaman berharga untuk menempuh arus persaingan ketika berada dalam lautan pencarian karier apabila tamat pengajian kelak.

Tidak dinafikan, wujud kekeliruan apabila terdapat juga cadangan agar para graduan diseru menceburkan diri dalam bidang pertanian. Ia sebenarnya, satu saranan yang baik kerana pertanian juga merupakan cabang dalam bidang keusahawanan.

Maksud keusahawanan itu sendiri perlu dimengerti disebalik makna sebenar daripada perkataan itu yakni bukanlah tertumpu kepada bidang perniagaan semata-mata seperti mana yang disalahtakrifkan oleh individu tertentu.

Sesungguhnya, seseorang usahawan itu boleh jadi seorang pengusaha perniagaan, pengusaha ladang, pengusaha pertanian dan banyak lagi. Satu perkara penting harus kita jelas dan fahamkan sepenuhnya ialah dari segi konteks operasi seseorang pengusaha ladang atau pertanian yang mempunyai hubung kait yang besar dengan aktiviti urus niaga.

Umpamanya, seorang pengusaha ladang menanam tanaman dengan harapan untuk mendapat hasil yang lumayan bagi menampung keluarga atau membayar kembali pembelian pinjaman pendidikan yang digunakan sepanjang

Perkara yang sangat menyeronokkan apabila para pelajar dalam kursus itu diminta mengendali sendiri ekspo keusahawanan yang menjadi acara tahunan di universiti berkaitan. Para pelajar diberi kebebasan untuk menggunakan daya kreativiti masing-masing untuk mengimplementasikan ilmu keusahawanan yang telah dipelajari dengan melaksanakan aktiviti jual beli melibatkan warga kampus dan masyarakat sekitar Kota Kinabalu.

Pemerkaan budaya keusahawanan dalam kalangan siswa-siswi nyata amat berbaloi apabila kerajaan melalui Kementerian Pengajian Tinggi yang kini dikenali sebagai Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melaksanakan Dasar Pembangunan Keusahawanan Institut Pengajian Tinggi (IPT) 2010.

Dalam pada itu, graduan yang ingin menceburkan diri dalam keusahawanan bidang perniagaan pada masa kini sememangnya amat bertuah kerana modal permulaan yang sering menjadi isu besar pada satu ketika dahulu kini menemui jalan penyelesaiannya. Pada hari ini, ucapan terima kasih yang tidak terhingga atas nikmat dan keprihatinan pucuk pimpinan negara yang menyedari akan permasalahan ini khususnya untuk kalangan belia apakah lagi para graduan yang masih terumbang-ambing dalam pencarian kerjaya.

Namun wang itu tidak akan diperoleh sekiranya tidak melalui aktiviti perniagaan atau urusan jual beli hasil ladang seperti buah-buahan atau sayur-sayuran kepada pihak pemborong atau orang ramai.

Dengan memanfaatkan kemudahan ini serta melaksanakan proses-proses permohonan dan melengkapkan segala syarat-syarat yang ditetapkan, nescaya kemenangan yang dihadapi dapat diati seterusnya boleh memulakan perniagaan yang diingini. Giatkanlah dalam sumber rujukan terutama dalam proses penyediaan kertas kerja yang sering menjadi



PASUKAN Enactus UMS yang menjadi juara kebangsaan dan mewakili Malaysia ke Piala Dunia Enactus.

“Sebagai rekod, Enactus UMS cukup dikenali dengan projek-projek keusahawanan yang kreatif dan luar biasa sehingga dinobatkan juara beberapa kali untuk mewakili Malaysia ke pertandingan Enactus Piala Dunia. Lebih membanggakan apabila kelab itu mampu menewaskan Juara Enactus dari Poland dan Kazakhstan ketika di Mexico selain mampu mara ke peringkat separuh akhir pada pertandingan Enactus Piala Dunia di Jerman. Komitmen UMS untuk melengkapkan siswa-siswi dengan ilmu keusahawanan turut diperkasakan dengan penawaran kursus Asas Pembudayaan Keusahawanan (APK) yang wajib diduduki oleh semua pelajar yang menuntut di universiti itu.”



KELAB Enactus UMS, telah mengukir pelbagai sejarah yang membawa nama UMS bukan sahaja harum di peringkat kebangsaan malah di peringkat antarabangsa.

pengajian di universiti dahulu.

Namun wang itu tidak akan diperoleh sekiranya tidak melalui aktiviti perniagaan atau urusan jual beli hasil ladang seperti buah-buahan atau sayur-sayuran kepada pihak pemborong atau orang ramai.

Dalam pada itu, graduan yang ingin menceburkan diri dalam keusahawanan bidang perniagaan pada masa kini sememangnya amat bertuah kerana modal permulaan yang sering menjadi isu besar pada satu ketika dahulu kini menemui jalan penyelesaiannya. Pada hari ini, ucapan terima kasih yang tidak terhingga atas nikmat dan keprihatinan pucuk pimpinan negara yang menyedari akan permasalahan ini khususnya untuk kalangan belia apakah lagi para graduan yang masih terumbang-ambing dalam pencarian kerjaya.

Bagi mereka yang ingin terlibat dalam bidang perniagaan, bimbingan dan khidmat nasihat selain bantuan modal boleh diperoleh di institut Keusahawanan Negara (NISKEN), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Majlis Amanah Rakyat (MAR), SME Bank, Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB), Perbadanan Nasional Berhad (PNS) dan Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) Nasional.

Dengan memanfaatkan kemudahan ini serta melaksanakan proses-proses permohonan dan melengkapkan segala syarat-syarat yang ditetapkan, nescaya kemenangan yang dihadapi dapat diati seterusnya boleh memulakan perniagaan yang diingini. Giatkanlah dalam sumber rujukan terutama dalam proses penyediaan kertas kerja yang sering menjadi

pematah semangat bagi mereka yang ingin berniaga tetapi kurang praktikal dalam menterjemahkan minat tersebut.

Tidak kurangnya juga untuk disarankan agar para graduan tidak malu terlibat dalam perniagaan alternatif seperti perniagaan jualan langsung yang sah dan tidak menyalahi undang-undang negara. Menurut Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDKKK), sumbangan yang dijanjakan industri jualan langsung pada tahun 2009 adalah berjumlah 4.23 bilion.

Malah KPDKKK menjangka industri itu mampu menjana nilai RM10 bilion menjelang 2017 sekali gus meningkatkan keupayaan untuk menyamai negara-negara seperti Amerika Syarikat dan Jepun yang gah dalam industri tersebut.

Tuntusnya, UMS akan terus memainkan perananannya untuk memastikan para graduan dilengkapi dengan ilmu keusahawanan selaras dengan amanat Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Pendidikan Malaysia, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang mahukan setiap universiti melahirkan graduan berminda keusahawanan, ketika menyampaikan watikah pelantikan kepada ahli Majlis Keusahawanan Pengajian Tinggi Nasional (MKPTN) baru-baru ini.

Sesungguhnya, seorang yang bergelar usahawan itu perlu sentiasa cekal, tabah dan tidak mudah putus asa. Seorang usahawan itu harus rajin bekerja, banyak berkorban masa dan mencurah keringat. Akhirnya nanti, pasti akan dikecapai tujuan hasilnya dengan penuh kemanisan dan tangis kegembiraan.



KELIHATAN para pelajar UMS yang terlibat dalam Ekspo APK yang telah diadakan.



PARA pelajar UMS diberi kebebasan untuk menggunakan daya kreativiti masing-masing untuk mengimplementasikan ilmu keusahawanan yang telah dipelajari dalam Ekspo APK.



PARA pelajar UMS merakamkan gambar ketika mengendalikan Ekspo APK yang telah diadakan.



GEMBIRA, Pasukan Enactus UMS merakamkan gambar bersama piala yang dimenangi dan akan mewakili Malaysia ke Piala Dunia Enactus.